

R B354 AAB  
DAP - PBS

KOTA KINABALU, 16 OKT (BERNAMA) -- PARTI BERSATU SABAH (PBS) PERLU MENGUNDURKAN CALON-CALONNYA YANG BERTANDING DI KAWASAN DAP SEBAGAI BUKTI KEIKHLASAN MEREKA KELUAR DARI BARISAN NASIONAL (BN).

PENGERUSI DAP SABAH, ENCIK FUNG KET WING BERKATA HANYA DENGAN CARA ITU SAHAJA KETUA MENTERI DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN, YANG JUGA PRESIDEN PBS, DAPAT MEMBUKTIKAN KEIKHLASAN MEREKA UNTUK BEKERJASAMA DENGAN PARTI SEMANGAT 46 DAN ANGGOTA-ANGGOTA +GAGASAN RAKYAT+.

+KITA MAHU TAHU SAMA ADA MEREKA BENAR-BENAR JUJUR ATAU HANYA STRATEGI MEREKA UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA PARLIMEN. MUNGKIN JUGA INI ADALAH TAKTIK MEREKA, HARI INI MEREKA KELUAR SELEPAS MENANG MEREKA MASUK SEMULA,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, ENCIK FUNG MENGUCAPKAN TAHNIAH ATAS KEPUTUSAN PBS ITU DAN MENYIFATKAN IA SEBAGAI SATU BUKTI KEBENARAN PERJUANGAN SEMANGAT 46 DAN DAP.

+SAYA GEMBIRA KERANA PBS SUDAH MENYEDARI KESILAPAN MEREKA DAN KINI BERALIH UNTUK MEMBETULKAN KESALAHAN MEREKA ITU.+ -- LAGI  
0237MST 16 10 90

0080

R B357 AAB

DAP - PBS 2 KOTA KINABALU

SEMENTARA ITU, PRESIDEN ANGKATAN Keadilan Rakyat (AKAR), Datuk Mark Koding menyifatkan tindakan itu sebagai perjudian oleh Datuk Pairin.

+APAPUN YANG BERLAKU PBS AKAN MENANG, JIKA SEMANGAT 46 MENANG DALAM PILIHAN RAYA, MEREKA (PBS) AKAN MENJADI KERAJAAN DAN JIKA SEMANGAT 46 KALAH PUN, MEREKA TETAP MENJADI KERAJAAN NEGERI, + KATANYA.

BELIAU MENDAKWA TUJUAN UTAMA PBS BERBUAT DEMIKIAN IALAH UNTUK +KELUAR DARI MALAYSIA+.

KATANYA, JIKA BN MENANG DI SEMENANJUNG, SUDAH TENTU PBS TIDAK SEPENDIRIAN DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, DAN INI MENURUT DATUK KODING AKAN MEMUDAHKAN PBS MENERUSKAN NIATNYA UNTUK KELUAR DARI PERSEKUTUAN.

BELIAU JUGA MENDAKWA NIAT ITU ADALAH MANIFESTO LISAN PBS YANG MENJADI CITA-CITA MEREKA, DAN ISU INILAH YANG MENYEBABKAN AKAR TEWAS TERUK DALAM PILIHAN RAYA NEGERI JUN LEPAS. -- BERNAMA  
0240MST 16 10 90

0082

R B361 BAH

KURUP - SOKONG

KOTA KINABALU, 16 OKT (BERNAMA) -- PARTI BERSATU SABAH (PBS) AKAN MENYOKONG CALON-CALON BEBAS YANG BERTANDING DI ENAM KAWASAN YANG USNO MELETAKKAN CALONNYA BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA PARLIMEN.

SETIAUSAHA AGUNG PBS, DATUK JOSEPH KURUP KETIKA DIHUBUNGI MALAM TADI BERKATA PBS TERLEBIH DAHULU, AKAN MEMINTA MEREKA MENYERTAI PARTI TERSEBUT SEBELUM MEREKA MENDAPAT SOKONGAN DARIPADA PBS.

USNO MELETAKKAN CALON DI KINABATANGAN, SILAM, PAPAR, SEMPORNA, LIMBAWANG DAN MARUDU.

CALON-CALON BEBAS YANG BERTANDING DI KAWASAN-KAWASAN ITU ADALAH ANGGOTA PBS YANG TELAH MELETAKKAN JAWATAN DARIPADA PARTI UNTUK BERTANDING.

DATUK KURUP BERKATA PERMOHONAN MENYERTAI SEMULA PBS OLEH CALON-CALON BEBAS BERKENAAN BOLEH DIBUAT MULAI SEKARANG. -- LAGI  
0243MST 16 10 90

0083

R B362 BAH  
KURUP - SOKONG 2 KOTA KINABALU

KATANYA, TIADA MAKNA PBS MENYOKONG MEREKA JIKA MEREKA TIDAK BERADA DI DALAM PBS.

MENGENAI TINDAKAN PBS KELUAR DARIPADA BN, BELIAU MENEGASKAN +KAMI TIADA PILIHAN LAIN KERANA SUARA KITA (PBS) TIDAK DIDENGARI OLEH KERAJAAN PUSAT+.

KETUA MENTERI DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN MENGUMUMKAN MALAM TADI BAHAWA PBS KELUAR DARIPADA BN DAN AKAN BEKERJASAMA DENGAN PARTI SEMANGAT 46 DALAM PILIHAN RAYA UMUM KALI INI.

DATUK KURUP JUGA BERKATA MEMANDANGKAN PBS AKAN BEKERJASAMA DENGAN SEMANGAT 46, DAP HENDAKLAH MENARIK BALIK CALON-CALON MEREKA DI SEMBILAN KAWASAN YANG PARTI ITU (DAP) MELETAKKAN CALONNYA.

BELIAU MENGULAS KENYATAAN PENERUSI DAP NEGERI, ENCIK FUNG KIT WING YANG MENGGESA PBS MENARIK BALIK CALON-CALONNYA DI KAWASAN DAP BERTANDING UNTUK MEMBUKTIKAN KEIKHLASANNYA BERTINDAK KELUAR DARIPADA BN.

SETIAUSAHA AGUNG PBS ITU BERKATA DAP SEPATUTNYA YANG HARUS MENARIK BALIK CALON-CALON MEREKA MEMANDANGKAN PBS MEMPUNYAI SOKONGAN YANG BANYAK DAN PADU. -- BERNAMA  
0245MST 16 10 90